



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
(2023 SUPPLEMENTARY EXAMINATION)**

EVIDENCE

Monday, 6 November 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 11 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

Daniel is charged with the murder of his wife, Betty, by pushing her to her death from the 39th floor of their penthouse balcony at the Skyfall Condominium. Daniel maintains that Betty had committed suicide or had accidentally fallen off the balcony.

Daniel and Betty inhabited the penthouse of the luxurious Skyfall Condominium with two live-in maids, Ella and Dolly. Unhappy with the marriage, Daniel began to have an affair with his secretary, Linda. Betty's confrontations with Daniel regarding the affair were met with Daniel's denial. On 13 January 2023, around 11.30 p.m., neighbours heard loud voices, noises and a lady's scream originating from the penthouse, culminating in a resounding thud, which was Betty's fatal fall from the penthouse balcony.

Daniel explained to the authorities that he had granted the maids the evening off for him to share a romantic dinner with Betty to rekindle their fading affection. The maids corroborated Daniel's account, but emphasized that their isolation in separate wings of the penthouse, wearing headphones, had rendered them oblivious to the unfolding turmoil. Ella praised Betty as a benevolent employer, but Dolly recounted incidents of hostility after being accused of theft of Betty's missing diamond ring, along with threats of termination. Daniel further stated that he had admitted the affair to Betty but had promised to terminate it. Daniel claimed that Betty flew into a rage, hurled a chair at him and retreated inebriated to her bedroom. Daniel then withdrew to another room, where he was later jarred by a scream followed by a chilling thud.

The post-mortem on Betty revealed that the marks on her body are consistent with the possibility of her being pushed over the balcony. Betty's friend, Jane, disclosed to the authorities that Betty had informed her that she was going to ask Daniel for a divorce and was prepared to face Daniel's wrath.

In the course of investigations, it was discovered that Daniel's sister, Delilah, had fallen to her death from the 40th floor of Daniel's parents' condominium after an argument with Daniel.

Advise the prosecution on the relevancy and admissibility of the following facts with reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws:

- (a) **Daniel and Betty are married and live at Skyfall Condominium penthouse.**
(2 marks)
- (b) **Daniel's affair with Linda.**
(2 marks)
- (c) **Dolly's narrative of Betty.**
(2 marks)
- (d) **The loud voices, noises, lady's scream and resounding thud heard by neighbours.**
(6 marks)
- (e) **Jane's statement of Betty's intention for divorce.**
(6 marks)
- (f) **The incident regarding Delilah.**
(7 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer ALL parts of this question**

Billy commenced legal action at the Kuala Lumpur Sessions Court against Pseudo for negligence. Billy claims that he sent his car to Pseudo's workshop for general service and that Pseudo had failed to diagnose that the car brakes were defective. Billy claims that soon after the general service, he had an accident and his car was a total write-off. Billy is now seeking, *inter alia*, damages, interest and costs.

At the trial, Pseudo sought to admit in evidence Sergeant Berani's affidavit which contained Sergeant Berani's opinion that the accident was not caused by the defective brakes but was caused by Billy's reckless driving. Sergeant Berani made the affidavit prior to the trial. He is now posted to Sabah and is unable to attend the trial. Pseudo's counsel submits that (a) Sergeant Berani was the police officer who investigated the accident, (b) Sergeant Berani's leave to travel to Kuala Lumpur for the trial has yet to be approved by his superiors, and (c) Sergeant Berani had no material interest in the outcome of the present proceedings when he made the affidavit.

Billy objected to the admissibility of the affidavit on the basis that Sergeant Berani had no personal knowledge of the allegations made in the affidavit, it was his opinion, it is hearsay, it is prejudicial to Billy, and for these reasons, the affidavit has to be excluded until Sergeant Berani has been cross-examined on it. Billy's counsel, on the other hand, sought to adduce through Billy a statement detailing all the loss and damage suffered by Billy arising from Pseudo's alleged negligence. The statement was prepared by Susan, Billy's wife, who was not called as a witness. Pseudo's counsel has objected to the statement to be tendered through Billy on the grounds that Billy was not the maker. Billy's counsel replied that Susan, being Billy's spouse, is not competent and is not compellable to give evidence in reliance on section 122 of the Evidence Act 1950.

Pseudo also objected to Billy's intention to adduce *WhatsApp* communication with Austin, the manager of the car manufacturer, claiming that the defects in the brakes could have been easily detectable had Pseudo used reasonable skill and care.

As the presiding judge in the case, explain by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws how you would consider the following evidence:

(a) **The admissibility of Sergeant Berani's affidavit.**

(12 marks)

(b) **Whether Billy's argument that Susan is not competent and is not compellable to give evidence is sustainable.**

(8 marks)

(c) **The admissibility of the *WhatsApp* messages between Billy and Austin.**

(5 marks)

3. Harrold met Maggie on a dating website named "Findher" in March 2017 and immediately embarked on a sexual relationship. In January 2018, Maggie discovered from her gynaecologist, Dr Obi, that she had contracted herpes. Maggie was upset and coaxed Harrold to marry her, claiming that he should do the right thing. After she discovered that she was pregnant, Maggie became more persistent with Harrold to marry her. Harrold agreed, and in May 2018, Harrold and Maggie got married. In November 2018, their daughter, Lilian, was born. Harrold's job kept him in the office for long hours and increasingly spent more time with his colleague, Chelsey. Maggie was upset with Harrold's friendship with Chelsey and pressured him to end the relationship. This led to a vicious fight resulting in Harrold leaving the house in January 2023. Lillian witnessed the fight. Maggie then lodged a police report alleging that Harrold had abused her.

In May 2023, Harrold petitioned for divorce, and Maggie cross petitioned. Maggie wishes to raise the issues of abuse, adultery, and that Harrold had infected her with herpes. As evidence, Maggie wants to produce the following:

- Lillian's testimony;
- Dr. Obi's report to establish the herpes, although Maggie has decided not to call Dr. Obi; and
- Photographs that Maggie had taken of Harrold and Chelsey having dinner on different occasions, holding hands, and feeding each other with olives.

Harrold, on the other hand, denied the abuse and adultery, and also denied infecting Maggie with herpes. Harrold wishes to raise that Lilian is not his daughter.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, discuss the following:

(a) Whether Lilian can testify at the trial.

(6 marks)

(b) The admissibility of Dr. Obi's report.

(7 marks)

(c) The admissibility of the photographs taken of Harrold and Chelsey.

(7 marks)

(d) The burden of proof on Harrold relating to his assertion that he is not Lilian's father.

(5 marks)

4. Answer BOTH parts of this question which are separate and independent

- (a) *“There is a difference between the evidence of a person which is based on his special knowledge and expertise within the meaning of section 45 of the Evidence Act and persons who are not experts but have experience in certain fields. It is the norm that court relies on expert opinion on certain subjects to help it, in arriving at decisions of a particular case. However, non-experts are also allowed to give their opinion on certain areas. Non-experts are people that do not have to be regarded as professional experts by the court in these areas.”*

Per Zabariah FCJ in *Jade Homes Sdn Bhd v Sivananthan Krishnan* [2021] 7 CLJ 487.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, explain situations where non-experts are allowed to give their opinion for the purpose of assisting the Court.

(12 marks)

- (b) The nature of our system is adversarial. This means that the judge has to listen to submissions or cases put by each party to an action. The judge’s role is akin to that of a referee. However, although the adversarial system requires the judge to act as a referee to the dispute, pursuant to section 165 of the Evidence Act 1950, the judge has the power to put questions to any witness or to order the production of any document.

With reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, explain the situations in which a judge may ask witnesses or counsel questions without descending into the arena of the proceedings.

(13 marks)

5. Answer ALL parts of this question

Superblob Sdn. Bhd. (“Superblob”) sued Bongkar Sdn. Bhd. (“Bongkar”) for breach of contract for the late delivery of a CNC Machine for 3D Milling and Carving (“machine”). Superblob has claimed RM200,000.00 for losses incurred from the cancellation of the purchase orders by its customers, which it would otherwise have made had the machine arrived on time. Bongkar, in its defence, states that the machine was manufactured at its factory in China. The delay in the shipment of the machine to Superblob in Kuala Lumpur was beyond its control because of the various lockdowns and restrictions on movements imposed by the Government of China due to the COVID-19 pandemic. Bongkar has obtained certified true copies of the Malaysian Ministry of Foreign Affairs circulars on the COVID-19 pandemic in China. At the trial, Bongkar argued that the Court should take judicial notice of newspaper articles about the COVID-19 pandemic in China and the various lockdowns and restrictions on movements in China. Bongkar also argued that the Court should presume the genuineness of the certified true copies of the Malaysian Ministry of Foreign Affairs circulars. Superblob intends to adduce photocopies of the purchase orders and cancellation orders by its customers in support of its claim for loss and damage.

By reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws:

- (a) **Explain to Superblob’s counsel whether the court can take judicial notice of the newspaper articles.**

(12 marks)

- (b) **Advise Superblob’s counsel whether there is any merit in Bongkar’s argument that the Court should presume the genuineness of the certified true copies of the Malaysian Ministry of Foreign Affairs circulars.**

(8 marks)

- (c) **Advise Superblob's counsel on the admissibility of the photocopies of the purchase orders and cancellation orders by Superblob's customers.**

(5 marks)

6. In a *WhatsApp* apartment residents chat group, Daryl referred to Jon as a 'nincompoop' for suggesting that residents be fined RM1,000.00 if they park their vehicles indiscriminately on the apartment grounds. Jon was furious and messaged Daryl to apologize in the chat group. Daryl refused. In anger, Jon stormed into Daryl's apartment and hit him. Darryl proceeded to lodge a police report.

Jon immediately called his neighbour Lau Yah, a lawyer. Jon explained the assault incident and asked Lau Yah if he could help. After listening to the whole conversation, Lau Yah explained to Jon that he was not a criminal lawyer and that he would refer the matter to his friend, Mr. Ghoo Wam.

A few days after the assault incident, Jon confessed to his wife, Amber, that he felt good after hitting Daryl. Jon had this conversation during the time Jon and Amber were separated. Feeling remorseful, Jon visited Father Simon, his church priest, and admitted the assault on Daryl. During one of the marriage counselling sessions with Dr. Deppy, a psychologist, Dr. Deppy in his view felt that Jon has anger management issues.

Two months later, Jon was charged with assaulting Daryl. The prosecution intends to call Lau Yah, Amber, Father Simon and Dr. Deppy as the prosecution witnesses.

Discuss the competency and compellability of Lau Yah, Amber, Father Simon and Dr. Deppy to give evidence with reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws.

(25 marks)

7. Tamak and Bajak are charged under the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 for robbing a bank in Klang with firearms and fatally shooting the bank's security guard. The Deputy Public Prosecutor's (DPP) evidence against them is as follows:
- (a) DSP Kamal's evidence that four days after the robbery, Tamak was arrested in Taiping, Perak, where RM100,000.00 cash, Tamak's mobile phone and a Subscriber Identity Module ('SIM') card were seized from Tamak. DSP Kamal also gave evidence that Tamak was unemployed;
 - (b) Inspector Raja's evidence that after his arrest, Tamak led Inspector Raja to Hannah's (Tamak's girlfriend) flat in Georgetown, Penang. There, the police found cash amounting to RM300,000.00. Tamak then led Inspector Raja to his parents' house in Kulim, Kedah, where a further sum of RM200,000.00 was retrieved;
 - (c) ASP Sidek's evidence that he arrested Bajak eight days after the robbery at a fruit orchard in Kangar, Perlis and seized Bajak's mobile phone and SIM card, as well as cash amounting to RM150,000.00 and 10 million Thai Baht. ASP Sidek also gave evidence that Bajak was an odd-job worker and incapable of having such amount of cash;
 - (d) The evidence of DSP Shamsul, a senior analyst with the police's cybercrime division in the forensic department, that he had examined Tamak and Bajak's mobile phones and SIM cards. He found 180 calls and 70 SMS messages were made between Tamak and Bajak a few days before the robbery which included messages on their planned heist;
 - (e) Sasha's evidence that Tamak had a few days before the robbery asked her to procure a gun and some bullets, which she did and gave to Tamak. She handed the police bullets which were the type she had given to Tamak;

- (f) Ah Meng's evidence that Tamak asked for help to bring Bajak to Thailand the day after the robbery without going through immigration;
- (g) The evidence of the pathologist, Dr. Azman, who examined the security guard's body and found two gunshot wounds on his body. He gave evidence that the bullets found on the security guard's body matched the bullets given by Sasha to the police.

From the evidence set out in paragraphs (a) to (g) above and by reference to the relevant case laws, advise the DPP on the law of evidence that can be applied to implicate Tamak and Bajak with the crimes that they have been charged with.

(25 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
(PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2023)**

KETERANGAN

Isnin, 6 November 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- * KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - * ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - * ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - * BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - * KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG BERKAITAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 13 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Daniel dipertuduh membunuh isterinya, Betty, dengan menolaknya sehingga maut dari tingkat 39 balkoni emper mereka di Kondominium Skyfall. Daniel menegaskan bahawa Betty telah membunuh diri atau secara tidak sengaja telah terjatuh dari balkoni itu.

Daniel dan Betty mendiami emper Kondominium Skyfall yang mewah itu bersama-sama dua orang pembantu rumah yang tinggal bersama mereka, Ella and Dolly. Tidak bahagia dengan perkahwinan, Daniel mula menjalinkan hubungan sulit dengan setiausahanya, Linda. Konfrontasi Betty dengan Daniel mengenai hubungan sulit itu dibalas dengan penafian oleh Daniel. Pada 13 Januari 2023, lebih kurang pukul 11.30 malam, jiran-jiran terdengar suara yang kuat, bunyi bising dan jeritan wanita yang datang daripada emper itu, yang kemuncaknya bunyi berdebab yang bergema, yang merupakan bunyi Betty jatuh maut dari balkoni emper itu.

Daniel telah menjelaskan kepada pihak berkuasa bahawa dia telah memberi pembantu-pembantu rumah itu cuti pada waktu malam supaya Daniel dapat berkongsi makan malam romantik bersama-sama Betty untuk menghidupkan semula kasih sayang mereka yang pudar. Pembantu-pembantu rumah itu menyokong penjelasan Daniel, tetapi telah menekankan bahawa pengasingan mereka di bahagian yang berasingan emper itu, dengan memakai fon kepala, telah menyebabkan mereka tidak sedar mengenai pergolakan yang berlaku itu. Ella memuji Betty sebagai seorang majikan yang baik hati, tetapi Dolly menceritakan kejadian permusuhan selepas dituduh mencuri cincin berlian Betty yang hilang, dan juga ancaman penamatan kerja. Daniel selanjutnya menyatakan bahawa dia telah mengakui hubungan sulit itu kepada Betty tetapi telah berjanji untuk menamatkannya. Daniel mendakwa bahawa Betty telah menjadi berang, membaling kerusi kepadanya dan pergi dalam keadaan mabuk ke bilik tidurnya.

Daniel kemudiannya beredar ke bilik lain, di mana dia kemudiannya dikejutkan oleh jeritan yang diikuti dengan bunyi berdebap yang menakutkan.

Bedah siasat terhadap Betty menunjukkan bahawa kesan-kesan pada badannya adalah konsisten dengan kemungkinan yang dia ditolak dari balkoni. Kawan Betty, Jane, mendedahkan kepada pihak berkuasa bahawa Betty telah memberitahunya bahawa dia akan meminta cerai daripada Daniel dan telah bersedia untuk menghadapi kemarahan Daniel.

Semasa menjalankan penyiasatan, didapati bahawa kakak Daniel, Delilah, telah terjatuh sehingga maut dari tingkat 40 kondominium ibu bapa Daniel selepas bertengkar dengan Daniel.

Berikan nasihat kepada pihak pendakwaan mengenai kerelevanan dan kebolehterimaan fakta yang berikut dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan:

- (a) **Daniel dan Betty telah berkahwin dan tinggal di emper Kondominium Skyfall.**
(2 markah)
- (b) **Hubungan sulit Daniel dengan Linda.**
(2 markah)
- (c) **Naratif Dolly mengenai Betty.**
(2 markah)
- (d) **Suara yang kuat, bunyi bising, jeritan wanita dan bunyi berdebap yang bergema yang telah didengar oleh jiran-jiran.**
(6 markah)

(e) **Pernyataan Jane mengenai niat Betty untuk bercerai.**

(6 markah)

(f) **Kejadian berkenaan dengan Delilah.**

(7 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Billy memulakan tindakan undang-undang di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur terhadap Pseudo bagi kecuiaan. Billy mendakwa bahawa dia telah menghantar keretanya ke bengkel Pseudo bagi servis am dan bahawa Pseudo telah gagal untuk mendiagnosis bahawa brek kereta itu adalah rosak. Billy mendakwa bahawa tidak lama selepas servis am itu, dia mengalami kemalangan dan keretanya ranap sepenuhnya. Billy sekarang meminta, *inter alia*, ganti rugi, bunga dan kos.

Semasa perbicaraan, Pseudo memohon supaya diterima sebagai keterangan afidavit Sarjan Berani yang mengandungi pendapat Sarjan Berani bahawa kemalangan itu tidak disebabkan oleh kerosakan brek tetapi disebabkan oleh pemanduan melulu Billy. Sarjan Berani membuat afidavit itu sebelum perbicaraan. Dia sekarang ditugaskan di Sabah dan tidak dapat menghadiri perbicaraan itu. Peguam Pseudo menghujahkan bahawa (a) Sarjan Berani ialah pegawai polis yang telah menyiasat kemalangan itu, (b) cuti Sarjan Berani untuk pergi ke Kuala Lumpur bagi perbicaraan itu masih belum diluluskan oleh pegawai atasannya, dan (c) Sarjan Berani tidak mempunyai kepentingan material dalam keputusan prosiding sekarang ini apabila dia membuat afidavit itu.

Billy membantah kebolehterimaan afidavit itu atas asas bahawa Sarjan Berani tiada pengetahuan sendiri mengenai pengatahan yang telah dibuat dalam afidavit itu, pengatahan itu ialah pendapatnya, pengatahan itu ialah dengar cakap, pengatahan

itu memprejudis Billy, dan atas sebab-sebab ini, affidavit itu perlu ditolak sehingga Sarjan Berani diperiksa balas mengenainya. Peguam Billy, sebaliknya, memohon untuk mengemukakan melalui Billy suatu pernyataan yang memperincikan semua kerugian dan kerosakan yang dialami oleh Billy yang timbul daripada kecuiaan Pseudo yang dikatakan itu. Pernyataan itu telah disediakan oleh Susan, isteri Billy, yang tidak dipanggil sebagai saksi. Peguam Pseudo telah membantah pernyataan itu daripada dikemukakan melalui Billy atas alasan bahawa Billy bukan pembuatnya. Peguam Billy menjawab bahawa Susan, sebagai isteri Billy, tidak kompeten dan tidak boleh dipaksa untuk memberikan keterangan berdasarkan seksyen 122 Akta Keterangan 1950.

Pseudo juga telah membantah niat Billy untuk mengemukakan komunikasi *WhatsApp* dengan Austin, pengurus bagi pembuat kereta itu, yang mendakwa bahawa kerosakan pada brek itu sepatutnya boleh dikesan dengan mudah sekiranya Pseudo menggunakan kemahiran dan penjagaan yang munasabah.

Sebagai hakim yang menjalankan perbicaraan kes itu, jelaskan dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan bagaimana anda akan mempertimbangkan keterangan yang berikut:

- (a) **Kebolehterimaan affidavit Sarjan Berani.**
(12 markah)
- (b) **Sama ada hujah Billy bahawa Susan tidak kompeten dan tidak boleh dipaksa untuk memberikan keterangan boleh dipertahankan.**
(8 markah)
- (c) **Kebolehterimaan pesanan *WhatsApp* antara Billy dengan Austin.**
(5 markah)

3. Harrold bertemu dengan Maggie dalam laman web janji temu bernama “Findher” pada bulan Mac 2017 dan dengan segera telah memulakan hubungan seksual. Pada bulan Januari 2018, Maggie telah mendapat tahu daripada pakar ginekologinya, Dr Obi, bahawa dia telah dijangkiti herpes. Maggie berasa susah hati dan memujuk Harrold untuk mengahwininya, dengan mendakwa bahawa Harold perlu melakukan perkara yang betul. Selepas dia mendapat tahu bahawa dia mengandung, Maggie telah berterusan mendesak Harrold untuk mengahwininya. Harrold telah bersetuju, dan pada bulan Mei 2018, Harrold dan Maggie telah berkahwin. Pada bulan November 2018, anak perempuan mereka, Lillian, telah dilahirkan. Pekerjaan Harrold telah membuatkan dia berada di pejabat untuk masa yang panjang dan semakin banyak menghabiskan masa bersama-sama rakan sekerjanya, Chelsey. Maggie berasa kecewa dengan persahabatan Harrold dengan Chelsey dan memaksa Harrold untuk menamatkan hubungan itu. Ini membawa kepada pergaduhan yang dahsyat yang menyebabkan Harrold meninggalkan rumah pada bulan Januari 2023. Lillian telah menyaksikan pergaduhan itu. Maggie kemudiannya membuat laporan polis yang mengatakan bahawa Harrold telah menderanya.

Pada bulan Mei 2023, Harrold telah memfailkan petisyen untuk perceraian, dan Maggie telah membuat petisyen balas. Maggie berhasrat untuk membangkitkan isu mengenai penderaan, perzinaan, dan bahawa Harrold telah menjangkitinya dengan herpes. Sebagai keterangan, Maggie ingin mengemukakan yang berikut:

- Testimoni Lillian;
- Laporan Dr. Obi untuk membuktikan herpes, walaupun Maggie telah memutuskan untuk tidak memanggil Dr. Obi; dan
- Gambar-gambar yang telah diambil oleh Maggie yang menunjukkan Harrold dan Chelsey sedang makan malam pada masa-masa yang berbeza, berpegangan tangan, dan menyuap buah zaitun antara satu sama lain.

Harrold, sebaliknya, menafikan penderaan dan perzinaan itu, dan juga menafikan menjangkiti Maggie dengan herpes. Harrold berhasrat untuk membangkitkan bahawa Lilian bukan anak perempuannya.

Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan yang berikut:

(a) **Sama ada Lilian boleh memberikan keterangan semasa perbicaraan.**

(6 markah)

(b) **Kebolehterimaan laporan Dr. Obi.**

(7 markah)

(c) **Kebolehterimaan gambar-gambar mengenai Harrold dan Chelsey yang telah diambil.**

(7 markah)

(d) **Beban pembuktian yang terletak pada Harrold berhubung dengan penegasannya bahawa dia bukan bapa Lilian.**

(5 markah)

4. Jawab KEDUA-DUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

(a) *“Terdapat perbezaan antara keterangan seseorang yang berdasarkan pengetahuan khusus dan kepakarannya dalam pengertian seksyen 45 Akta Keterangan dengan orang yang bukan pakar tetapi mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Menjadi kebiasaan bahawa mahkamah bergantung pada pendapat pakar mengenai perkara tertentu untuk membantunya, dalam membuat keputusan mengenai sesuatu kes tertentu.*

Walau bagaimanapun, bukan pakar juga dibenarkan untuk memberikan pendapat mereka dalam bidang-bidang tertentu. Bukan pakar ialah orang yang tidak perlu dianggap sebagai pakar profesional oleh mahkamah dalam bidang-bidang ini.”

Oleh Zabariah HMP dalam *Jade Homes Sdn Bhd v Sivananthan Krishnan* [2021] 7 CLJ 487.

Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, jelaskan situasi-situasi yang bukan pakar dibenarkan untuk memberikan pendapat mereka bagi maksud membantu Mahkamah.

(12 markah)

- (b) Jenis sistem kita ialah pertentangan. Ini bermaksud bahawa hakim perlu mendengar penghujahan atau kes-kes yang dikemukakan oleh setiap pihak kepada sesuatu tindakan. Peranan hakim adalah sama dengan peranan seorang pengadil. Walau bagaimanapun, walaupun sistem pertentangan menghendaki hakim untuk bertindak sebagai pengadil kepada pertikaian, menurut seksyen 165 Akta Keterangan 1950, hakim mempunyai kuasa untuk mengemukakan soalan-soalan kepada mana-mana saksi atau untuk memerintahkan pengemukaan apa-apa dokumen.

Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, jelaskan situasi-situasi yang hakim boleh bertanya soalan-soalan kepada saksi-saksi atau peguam tanpa turun ke arena prosiding.

(13 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Superblob Sdn. Bhd. (“Superblob”) telah membawa guaman terhadap Bongkar Sdn. Bhd. (“Bongkar”) bagi kemungkiran kontrak kerana penghantaran lewat sebuah Mesin CNC untuk Pengilangan dan Pengukiran 3D (“mesin”). Superblob telah menuntut RM200,000.00 bagi kerugian yang ditanggung daripada pembatalan pesanan-pesanan belian oleh pelanggan-pelanggannya, yang sepatutnya boleh dibuat olehnya sekiranya mesin itu telah tiba tepat pada masanya. Bongkar, dalam pembelaannya, menyatakan bahawa mesin itu telah dibuat di kilangnya di China. Kelewatan dalam penghantaran mesin itu kepada Superblob di Kuala Lumpur adalah di luar kawalannya kerana pelbagai sekat keluar masuk dan sekatan ke atas pergerakan yang dikenakan oleh Kerajaan China disebabkan oleh pandemik COVID-19. Bongkar telah mendapatkan salinan terperaku benar bagi pekeliling-pekeliling Kementerian Luar Negeri Malaysia mengenai pandemik COVID-19 di China. Semasa perbincangan, Bongkar berhujah bahawa Mahkamah sepatutnya memberi pengiktirafan kehakiman ke atas artikel-artikel surat khabar mengenai pandemik COVID-19 di China dan pelbagai sekat keluar masuk dan sekatan ke atas pergerakan di China. Bongkar juga berhujah bahawa Mahkamah sepatutnya menganggap salinan terperaku benar bagi pekeliling-pekeliling Kementerian Luar Negeri Malaysia itu sebagai tulen. Superblob berniat untuk mengemukakan fotokopi pesanan-pesanan belian dan arahan-arahan pembatalan oleh pelanggan-pelanggannya bagi menyokong tuntutan bagi kerugian dan kerosakan.

Dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan:

- (a) **Jelaskan kepada peguam Superblob sama ada mahkamah boleh memberikan pengiktirafan kehakiman ke atas artikel-artikel surat khabar itu.**

(12 markah)

- (b) **Berikan nasihat kepada peguam Superblob sama ada terdapat apa-apa merit dalam hujah Bongkar bahawa Mahkamah sepatutnya menganggap salinan terperaku benar bagi pekeliling-pekeliling Kementerian Luar Negeri Malaysia itu sebagai tulen.**

(8 markah)

- (c) **Berikan nasihat kepada peguam Superblob mengenai kebolehterimaan fotokopi pesanan-pesanan belian dan arahan-arahan pembatalan oleh pelanggan-pelanggan Superblob.**

(5 markah)

6. Dalam kumpulan sembang *WhatsApp* penduduk pangsapuri, Daryl telah merujuk kepada Jon sebagai ‘orang yang bodoh’ kerana mencadangkan supaya penduduk didenda RM1,000.00 jika mereka meletakkan kenderaan sewenang-wenangnya di kawasan pangsapuri itu. Jon sangat marah dan menghantar pesanan kepada Daryl untuk memohon maaf dalam kumpulan sembang itu. Daryl enggan. Dalam kemarahan, Jon meluru masuk ke dalam pangsapuri Daryl dan memukulnya. Darryl terus membuat laporan polis.

Jon dengan segera menghubungi jirannya Lau Yah, seorang peguam. Jon menjelaskan kejadian amang itu dan meminta Lau Yah jika dia boleh membantu. Selepas mendengar keseluruhan perbualan, Lau Yah menjelaskan kepada Jon bahawa dia bukan seorang peguam jenayah dan bahawa dia akan merujuk perkara itu kepada kawannya, Mr. Ghoo Wam.

Beberapa hari selepas kejadian amang itu, Jon mengaku kepada isterinya, Amber, bahawa dia berasa puas hati selepas memukul Daryl. Perbualan Jon itu dibuat semasa Jon dan Amber telah berpisah. Dengan perasaan penuh sesal, Jon telah melawat Father Simon, paderi gerejanya, dan mengakui amang terhadap Daryl. Semasa salah satu sesi kaunseling perkahwinan dengan Dr. Deppy, seorang ahli

psikologi, Dr. Deppy dalam pandangannya berasakan bahawa Jon mempunyai isu pengurusan kemarahan.

Dua bulan kemudian, Jon telah dipertuduh mengamang Daryl. Pihak pendakwaan berniat untuk memanggil Lau Yah, Amber, Father Simon dan Dr. Deppy sebagai saksi-saksi pihak pendakwaan.

Bincangkan kekompetenan dan kebolehpaksaan Lau Yah, Amber, Father Simon dan Dr. Deppy untuk memberikan keterangan dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan.

(25 markah)

7. Tamak and Bajak dipertuduh di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 kerana merompak sebuah bank di Klang dengan senjata api dan menembak mati pengawal keselamatan bank itu. Keterangan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terhadap mereka adalah seperti yang berikut:
- (a) Keterangan DSP Kamal bahawa empat hari selepas perompakan itu, Tamak telah ditangkap di Taiping, Perak, di mana RM100,000.00 tunai, telefon bimbit Tamak dan suatu kad Modul Identiti Pelanggan ("SIM") telah disita daripada Tamak. DSP Kamal juga telah memberikan keterangan bahawa Tamak tidak bekerja;
 - (b) Keterangan Inspektor Raja bahawa selepas penangkapannya, Tamak telah membawa Inspektor Raja ke rumah pangsa Hannah (teman wanita Tamak) di Georgetown, Pulau Pinang. Di situ, polis telah menjumpai wang tunai berjumlah RM300,000.00. Tamak kemudiannya telah membawa Inspektor Raja ke rumah ibu bapanya di Kulim, Kedah, di mana sejumlah RM200,000.00 didapatkan lagi;

- (c) Keterangan ASP Sidek bahawa dia telah menangkap Bajak lapan hari selepas perompakan itu di dusun buah-buahan di Kangar, Perlis dan menyita telefon bimbit dan kad SIM Bajak, serta wang tunai berjumlah RM150,000.00 dan 10 juta Thai Baht. ASP Sidek juga telah memberikan keterangan bahawa Bajak ialah seorang pekerja yang membuat kerja rencam dan tidak berkemampuan untuk memiliki wang tunai sebanyak itu;
- (d) Keterangan DSP Shamsul, seorang juruanalisis kanan dengan bahagian jenayah siber polis di jabatan forensik, bahawa dia telah memeriksa telefon bimbit dan kad SIM Tamak dan Bajak. Dia mendapati 180 panggilan dan 70 pesanan SMS telah dibuat antara Tamak dengan Bajak beberapa hari sebelum perompakan itu yang termasuk pesanan mengenai rompakan yang dirancang oleh mereka;
- (e) Keterangan Sasha bahawa beberapa hari sebelum perompakan itu Tamak telah memintanya untuk mendapatkan senjata api dan beberapa butir peluru, yang telah didupakannya dan diberikan kepada Tamak. Dia telah menyerahkan peluru itu kepada polis yang merupakan jenis yang telah diberikannya kepada Tamak;
- (f) Keterangan Ah Meng bahawa Tamak telah meminta bantuan untuk membawa Bajak ke Thailand sehari selepas perompakan itu tanpa melalui imigresen;
- (g) Keterangan ahli patologi, Dr. Azman, yang telah memeriksa badan pengawal keselamatan itu dan menjumpai dua luka tembakan pada badannya. Dia telah memberikan keterangan bahawa peluru yang dijumpai pada badan pengawal keselamatan itu sepadan dengan peluru yang diberikan oleh Sasha kepada polis.

Daripada keterangan yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (g) di atas dan dengan merujuk kepada undang-undang kes yang berkaitan, berikan nasihat kepada TPR mengenai undang-undang keterangan yang boleh dipakai untuk membabitkan Tamak dan Bajak dengan jenayah yang telah dipertuduh terhadap mereka.

(25 markah)

oOOo